

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN SUKAN BESBOL
DAN PELANCARAN KLINIK BESBOL DI PERLIS
DI AUDITORIUM PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN
PUTRA (PTSFP), UniMAP, PAUH PUTRA
PADA 22 SEPTEMBER 2018, JAM 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

serta *“Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, Saya ingin mengucapkan tahniah di atas inisiatif Persekutuan Besbol Malaysia (BFM) melalui kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan program ini.

Seterusnya, Saya mengalu-alukan Yang Berhormat-Yang Berhormat, dif-dif kehormat, para pegawai, jemputan, peserta dan semua yang dapat melapangkan masa.

Hadirin sekalian,

Selaku Penaung Persekutuan Besbol Malaysia, Saya ucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar merangkap Presiden PBM bersama barisan Ahli Jawatakuasa Induk serta ahli-ahli gabungan atas usaha gigih dan komitmen untuk membangunkan sukan ini supaya diminati oleh pelajar sekolah, mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan masyarakat. Saya berharap usaha ini diteruskan sehingga berjaya membentuk sebuah pasukan Besbol negara yang hebat hingga ke satu tahap yang membanggakan.

Hadirin sekalian,

Seperti yang dikongsikan oleh Pengacara Majlis sebentar tadi, sesungguhnya, pada Saya dengan menyertai pelbagai program bertaraf antarabangsa ianya akan mengharumkan nama PBM dan negara di persada antarabangsa. Saya berharap usaha-usaha tersebut dapat diteruskan kerana banyak pengalaman yang berguna dan bermanfaat kepada PBM serta semua pihak yang terlibat dalam membina rangkaian dan jaringan kerjasama.

Saya juga gembira di atas usaha yang dilaksanakan PBM untuk membina kerjasama dengan banyak pihak untuk mendapatkan sokongan. Kerjasama dengan pihak industri bukan sahaja dapat menambah nilai kepada program pembangunan sukan besbol, ia juga mampu memberi peluang PBM bertapak kukuh di masa hadapan. Sebagai contoh, PBM juga telah mengadakan kerjasama strategik dengan *Now Asia International Sdn Bhd. (AbangAbu)* dan Saya harap akan ada lebih banyak kerjasama dengan pihak industri yang lain di masa hadapan.

PBM hendaklah terus berusaha bersungguh-sungguh untuk menempatkan sukan besbol di dalam takwim Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Saya yakin usaha meletakkan sukan besbol setara dengan sukan-sukan yang lain di negara ini akan membuahkan hasil dengan peningkatan plan tindakan dalam pembangunan sukan besbol.

Saya berharap program pencarian bakat atau '*talent scouting*' juga perlulah bermula dari peringkat sekolah rendah atau pra-sekolah lagi dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkenaan.

Di kesempatan ini juga, Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mantan Presiden PBM iaitu YBhg. Dato' Noh Abdullah di atas sumbangan dan jasa beliau selama lebih 10 tahun mengetuai persekutuan ini. Saya berharap beliau dikurniakan kesihatan serta terus memberikan sumbangan dan bersama-sama memacu kemajuan sukan besbol ke tahap yang cemerlang. Saya penuh yakin Jawatankuasa Induk PBM sentiasa terbuka menerima cadangan dan sumbangan idea bagi memartabatkan lagi sukan besbol Malaysia.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, tahniah sekali lagi kepada Persekutuan Besbol Malaysia (PBM) dengan kerjasama UniMAP dan UPM di atas penganjuran 'Majlis Penyerahan Peralatan Sukan Besbol dan Pelancaran Klinik Besbol di Perlis 2018'. Semoga segala usaha dan hasrat kita semua akan tercapai dan dipermudahkan, InsyaAllah.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.